

0584

U B421 AAB  
MAHATHIR - PENDAPATAN

KUALA LUMPUR, 22 OGOS (BERNAMA) -- PERTAMBAHAN PENDAPATAN KAKITANGAN DI DALAM DAN LUAR KERAJAAN EKORAN PENINGKATAN PRODUKTIVITI TIDAK AKAN MENAIKKAN KOS PERKHIDMATAN DAN HARGA BARANGAN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, KENAIKAN PENDAPATAN PEKERJA KERAJAAN DAN BUKAN KERAJAAN AKAN MENGHASILKAN KUASA BELI RAKYAT YANG AKAN MEMAJUKAN KEGIATAN JUAL BELI YANG BOLEH MEMESATKAN PERTUMBUHAN EKONOMI.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, JIKA TUNTUTAN KENAIKAN GAJI DIBUAT TETAPI DALAM MASA YANG SAMA PRODUKTIVITI TIDAK DITINGKATKAN, MAKA NEGARA AKAN MENJADI TIDAK KOMPETITIF DAN PEMASARAN BARANGAN AKAN MEROSOT.

+YANG MENJADIKAN KITA TIDAK KOMPETITIF IALAH APABILA GAJI DINAikkan TETAPI DAYA PENGELUARAN TIDAK IKUT SAMA. AKHIRNYA PEKERJA AKAN MENDERITA KERANA DENGAN KEMEROSOTAN EKONOMI, PENDAPATAN SEMUA PIHAK TIDAK AKAN MENINGKAT LAGI DAN RAMAI AKAN MENGGANGGUR,+ KATANYA SEMASA MELANARKAN PERAYAAN 55 TAHUN PERKHIDMATAN AWAM DI ARKIB NEGARA DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, DASAR PENSWASTAAN PERLU DIJAYAKAN SECEPAT MUNGKIN BAGI MENGURANGKAN TANGGUGAN KERAJAAN TERHADAP KOS PENGURUSAN PENTADBIRAN DAN MENINGKATKAN KEMAMPUANNYA UNTUK MEMPERBAIKI TANGGA GAJI KAKITANGANNYA DAN PERBELANJAAN LAIN.  
- - LAGI.

1345MST 22 08 89

0587

U B422 AAB  
MAHATHIR - PENDAPATAN 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA, IA BERMAKNA BUKAN SAHAJA PEKERJA DALAM PERKHIDMATAN YANG DISWASTAKAN AKAN MERASAI NIKMAT TETAPI MEREKA YANG MASIH BERKHIDMAT DALAM KERAJAAN.

TAMBAHNYA, SEMENTARA PERBELANJAAN KERAJAAN DAPAT DIKURANGKAN DENGAN PENSWASTAAN, PENDAPATAN KERAJAAN AKAN BERTAMBAH DENGAN CUKAI YANG DIKENAKAN KE ATAS KEUNTUNGAN SWASTA YANG MENGAMBIL ALIH PERKHIDMATAN BERKENAAN.

BELIAU BERKATA, PEKERJA DALAM PERKHIDMATAN YANG TELAH DISWASTKAN SEPERTI PERKHIDMATAN KONTENA PELABUHAN KLANG, PENERBANGAN MALAYSIA? MISC DAN SISTEM TELEKOM MALAYSIA (STM) TIDAK MENGALAMI APA-APA KERUGIAN MALAH ADA YANG MEMPEROLEHI PENDAPATAN LEBIH.

DALAM MASA YANG SAMA PERKHIDMATAN YANG DIBERIKAN TIDAK TERJEJAS BAHKAN BERTAMBAH BAIK MANAKALA CUKAI YANG DIPUNGUT DARIPADA PERNIAGAAN BERKENAAN MENUNJUKKAN PENINGKATAN, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, WALAUPUN DASAR PENSWASTAAN AGAK AWAL TETAPI IA MERUPAKAN SATU ALIRAN YANG SEMAKIN DITERIMA DI SELURUH DUNIA SEHINGGA SISTEM KOMUNIS SEKARANG MENGAKUI PEMILIKAN SEMUA PERKHIDMATAN DAN EKONOMI OLEH NEGARA TIDAK BERJAYA MEMBANGUNKAN EKONOMI ATAU MENGAGIHKAN KEKAYAAN KEPADA RAKYAT.

+JUSTERU ITULAH, PIHAK KOMUNIS MEMPERKENALKAN +PERESTROIKA+ IAITU PENYUSUNAN SEMULA SISTEM EKONOMI DAN POLITIK MEREKA,+ KATA BELIAU.

BELIAU JUGA BERKATA KEFAHAMAN DAN PENGHAYATAN KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA MASIH LAGI KABUR DI KALANGAN SESETENGAN PENTADBIR KERAJAAN TERUTAMA PERINGKAT PERTENGAHAN. -- LAGI.

1350MST 22 08 89

0591

UB424 A A B

MAHATHIR - PENDAPATAN 3 KUALA LUMPUR

**PERDANA MENTERI BERKATA**, DASAR ITU TIDAK AKAN MEMBERI KESAN SEPENUHNYA SEKIRANYA PIHAK SWASTA **MASIH** MENGALAMI KERUMITAN SEMASA BERURUSAN DENGAN JABATAN KERAJAAN.

**KATANYA**, TERAS KONSEP ITU IALAH KERJASAMA YANG ERAT ANTARA SEKTOR AWAM DAN **SWASTA**, DENGAN SEKTOR SWASTA MEMAJUKAN PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN NEGARA MANAKALA SEKTOR AWAM MENGGARISKAN DASAR-DASAR UTAMA DAN MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN SOKONGAN YANG **POSITIF**.

DATUK SERI DR MAHATHIR **JUGA BERKATA**, KECEKAPAN PENGURUSAN MERUPAKAN FAKTOR TERPENTING **BAGI** MENENTUKAN KEKUATAN EKONOMI AGAR NEGARA TIDAK KETINGGALAN DALAM MENGHADAPI PERSAINGAN ANTARABANGSA **SEKARANG**.

**PERDANA MENTERI BERKATA**, KEMAMPUAN BERSAING BUKAN SAHAJA MELIBATKAN KECEKAPAN PENGURUSAN ORGANISASI SWASTA TETAPI LEBIH PENTING IALAH PENGURUSAN DALAM KERAJAAN.

**KATANYA**, KECEKAPAN PENGURUSAN OLEH **PARA** PENTADBIR KERAJAAN AKAN MEMBANTU MENJAYAKAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA YANG MEMPUNYAI KAITAN DENGAN PENDAPATAN RAKYAT DALAM SEMUA **BIDANG** PEKERJAAN.

**MENURUTNYA**, PERKHIDMATAN KERAJAAN PERLU MEMASTIKAN KEJAYAAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN KECIL DAN BESAR KERANA **+LEBIH** BESAR KEUNTUNGAN PERNIAGAAN **ITU**, LEBIH KUKUHLAH KEWANGAN **KERAJAAN** UNTUK **MEMBIAYAI** SEGALA PERBELANJAAN YANG DIPERLUKAN. **-- LAGI**.  
1357MST 22 08 89

D593

U B426 AAB

MAHATHIR - PENDAPATAN 4 KUALA LUMPUR

**+SEMUA** RAKYAT YANG **INGIN** BERUSAHA MENGHASILKAN KEKAYAAN TIDAK HARUS DIGANGGU TETAPI SEBALIKNYA DIBANTU OLEH PENTADBIRAN. HANYA APABILA RAKYAT DARIPADA SEMUA **LAPISAN** BERJAYA MENINGKATKAN PENDAPATAN **MEREKA**, BARULAH KERAJAAN MENDAPAT HASIL **UNTUK** **DIAGIH-AGIHKAN**, **+** TEGASNYA.

**PERDANA MENTERI BERKATA**, **AMALAN BERSIH**, CEKAP DAN AMANAH AKAN TERUS MENJADI NILAI-NILAI TERAS DALAM PERKHIDMATAN AWAM UNTUK DIHAYATI OLEH SEMUA ANGGOTANYA.

**TAMBAHNYA**, **BAGI** MENGHADAPI CABARAN-CABARAN **PADA** ZAMAN PERSAINGAN **INI**, KETUA-KETUA DAN PEGAWAI PERKHIDMATAN HENDAKLAH BERPANDANGAN JAUH DALAM MERANCANG STRATEGI BERKESAN **DI SAMPING** MENGAMALKAN PENDEKATAN BERORIENTASIKAN TINDAKAN.

DATUK SERI **DR** MAHATHIR MENGGESA AGAR USAHA PEMODENAN DILAKUKAN TERHADAP **SISTEM** DAN ATURCARA BEKERJA **DI PEJABAT**, TERUTAMANYA **SOAL** KEBERSIHAN DAN PERKHIDMATAN KAUNTER KERANA IA MERUPAKAN TEMPAT UTAMA HUBUNGAN ANTARA ORANG RAMAI DAN PERKHIDMATAN AWAM.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA UKURAN KEJAYAAN DAN PRESTASI PERKHIDMATAN AWAM TIDAK **LAGI** DIASASKAN OLEH **KRITERIA** KUANTITATIF DARIPADA SEGI JUMLAH **PENJAWAT**, JUMLAH PERUNTUKAN SERTA BILANGAN PROGRAM DAN PROJEK TETAPI YANG LEBIH PENTING IALAH KEJAYAAN **MELAKSANAKAN** PROJEK **BAGI** SETIAP TAHUN.

HADIR **SAMA PADA MAJLIS** ITU IALAH **MENTERI** DI **JABATABN** **PERDANA** MENTERI DATUK DR MOHD YUSOF **NOR**, KETUA SETIAUSAHA NEGARA TAN SRI SALLEHUDDIN **MOHAMED**, KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM TAN SRI ALWI **JANTAN** DAN KETUA PENGARAH ARKIB NEGARA DATUK ZAKIAH HANUM.

**PERDANA MENTERI** KEMUDIAN MELANCARKAN BUKU MEMOIR OLEH **SEORANG** BEKAS KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM **TAN SRI** **ABDUL AZIZ ZAKARIA** DAN **MELAWAT** PAMERAN SEJARAH PERKHIDMATAN **ITU** **SEJAK** TAHUN 1934,

ANTARA ATURCARA SEMPENA PERAYAAN **ITU** IALAH FORUM DAN SYARAHAN MENGENAI PERKHIDMATAN **AWAM**, PELANCARAN PERSATUAN PENTADBIRAN DAN **PENGURUSAN** MALAYSIA (**MASMA**) DAN DERMA DARAH. -- BERNAMA.

1403MST 22 08 89